



Media Monitoring

Media Utusan Malaysia Date 7 Jan 2008
Section Dalam Negeri Page 7
Issue Condom Language Malay

Ramai wanita pekerja seks di India guna kondom

NEW DELHI 6 Jan. - Semakin ramai wanita pekerja seks di India menggunakan kondom bagi menyekat jangkitan daripada hubungan seks (STI) apabila pelanggan lelaki mereka enggan memakai kondom.

Dengan kejadian kes HIV/AIDS dan penyakit STI lain yang tinggi di India, pekerja kesihatan sosial mendapati kondom wanita sebagai cara

amat praktikal untuk membanteras penularan penyakit di kawasan pelacuran.

Pekerja sosial di negeri seperti Benggala Barat dan Andhra Pradesh, di mana industri seks berkembang, menyaksikan perubahan positif dalam penggunaan kondom wanita di kalangan pekerja seks akibat kempen kesedaran kesihatan yang berkesan.

"Fokus utama kami ialah untuk menguji (kondom wanita) ke atas pekerja seks kerana mereka adalah kumpulan berisiko tinggi dan matlamatnya ialah untuk mengurang dan mencegah STI dalam kumpulan ini," Ketua Pegawai Eksekutif Hindustan Latex Family Planning Promotion Trust, G. Manjo memberitahu *Bernama*.